

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang Akademik 1995/96

Mei/Jun 1996

JKE 411 - Ekonomi Buruh

Masa: [3 Jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA BELAS** [12] muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Anda dikehendaki menjawab **SEMUA** bahagian **Soalan 1** dalam Bahagian A dan **DUA** [2] soalan dalam Bahagian B.
3. Jangan ceraikan mana-mana muka surat soalan kerana calon **WAJIB** menyerahkan kembali keseluruhan kertas soalan ini setelah tamat peperiksaan ini.
4. Jawapan Bahagian A hendaklah ditulis pada ruang-ruang yang disediakan pada kertas soalan ini. Bahagian ini menyumbangkan 60 markah. Baca arahan tiap-tiap bahagian tentang cara menjawab soalan itu sebelum anda menjawab.
5. Bagi soalan Bahagian B, tulis jawapan anda dalam kertas peperiksaan yang disediakan. Bahagian ini menyumbangkan 40 markah.
6. Jawapan yang tidak menunjukkan jalan penghitungan tidak akan mendapat markah sepenuhnya.
7. Mesin hitung elektronik boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

BAHAGIAN A [60 Markah]**Soalan 1 [60 markah]**

Jawab **SEMUA** bahagian **Soalan 1** dalam ruang-ruang kosong yang disediakan.

[A] Jika pasaran buruh berada dalam keadaan persaingan sempurna maka pengangguran tidak seharusnya berlaku.

[i] Berikan empat ciri yang sepatutnya ada pada pihak pekerja yang boleh mewujudkan keadaan persaingan sempurna dalam pasaran buruh.

[2 markah]

[ii] Berikan empat ciri yang seharusnya ada pada pihak majikan, yang boleh mewujudkan keadaan persaingan sempurna dalam pasaran buruh.

[2 markah]

[B] Ekonomi buruh menganggap saiz penduduk sebagai pembolehubah eksogen.


[i] Sebutkan 2 kategori penduduk yang termasuk dalam konsep tenaga buruh.

[2 markah]

[ii] Sebutkan 4 kategori penduduk yang tidak termasuk dalam konsep tenaga buruh.

[2 markah]

- [C] Rajah 1 menunjukkan rajah keseimbangan tukar ganti masa lapang-bekerja En. Bu Ruh dalam tempoh masa satu minggu. Masa lapang dikira dalam jam.



Rajah 1

- [i] Berapakah kadar upah sejam yang dibayar kepada En. Bu Ruh pada titik A?

[2 markah]

- [ii] Katakan kadar upah jatuh menjadi RM3. Di berikan maklumat dalam Rajah 1 itu, En. Bu Ruh akan beralih ke titik B. Sekiranya pendapatan En. Bu Ruh kini menjadi RM150, berapakah nilai titik C?

[2 markah]


- [iii] Berapakah nilai titik D?

[2 markah]

- [iv] Adakah reaksi En. Bu Ruh terhadap kejatuhan kadar upah ini menunjukkan kesan penggantianya lebih besar daripada kesan pendapatannya? Kenapa?

[3 markah]

- [D] Rajah 2, menunjukkan keseimbangan peruntukan masa lapang-pendapatan En. Rajin di titik A.



Rajah 2

- [i] Katakan apabila kadar upah meningkat En. Rajin beralih dari titik A ke titik B. Asingkan kesan penggantian dan kesan pendapatan apabila En. Rajin beralih dari A ke B itu. Lukiskan dalam Rajah 2.

[3 markah]

- [ii] Adakah kedua-dua kesan ini akan menyebabkan keluk penawaran buruh En. Rajin membengkok ke belakang atau tidak? Kenapa?

[2 markah]

- [E] Kreko & Co. ialah sebuah syarikat pencuci kereta. Kreko menggunakan input modal tetap dan hanya satu input berubah, iaitu buruh. Pasaran buruh dicirikan oleh pasaran persaingan sempurna. Anda diberikan maklumat berikut tentang operasi Kreko. Q = jumlah kereta dicuci sehari, MPP = keluaran fizikal sut, dan VMP = nilai keluaran sut (RM).

Buruh	Q	MPP	VMP	Catatan
1	10	10	50	
2		15		
3	45		100	
4	60	15		
5	72		60	
6		10	50	

Jadual 1

- [i] Lengkapkan nilai Q , MP dan VMP bagi Kreko & Co. di dalam ruang-ruang yang berkenaan pada Jadual 1.

[3 markah]

- [ii] Adakah Kreko menjual outputnya dalam pasaran persaingan sempurna? Kenapa?

[2 markah]

- [iii] Berapakah harga mencuci sebuah kereta yang dikenakan oleh Kreko?

[2 markah]

- [iv] Jika kadar upah pasaran ialah RM12 sehari berapakah unit buruh yang akan digunakan oleh Kreko?

[2 markah]

- [F] Jadual 2 menunjukkan peristiwa-peristiwa yang boleh menganjukkan sama ada keluk penawaran buruh oleh individu atau keluk permintaan buruh sebuah firma.

Peristiwa	D atau S	+ atau -
Perubahan pendapatan bukan buruh		
Perubahan harga faktor produktif yg lain		
Perubahan harga buruh		
Perubahan kebencian terhadap bekerja upah		
Perubahan teknologi		
Perubahan perolehan ahli keluarga lain		
Perubahan daya pengeluaran isi rumah		
Perubahan harga output firma		

Jadual 2


- [i] Dalam ruang-ruang yang disediakan tunjukkan sama ada setiap peristiwa itu akan mempengaruhi keluk penawaran buruh individu (S) ataukah keluk permintaan buruh firma (D).

[4 markah]

- [ii] Dalam ruang-ruang yang disediakan tunjukkan sama ada setiap peristiwa itu akan mempengaruhi keluk penawaran buruh individu dan keluk permintaan buruh firma itu secara positif (+) atau negatif (-).

[4 markah]


[G] Gunakan Rajah 3 untuk menjawab soalan ini:



Rajah 3

- [i] Andaikan sebuah firma itu menjual keluarannya dalam pasaran persaingan sempurna dan membeli buruh dalam pasaran persaingan sempurna. Lukiskan keluk permintaan buruh firma tersebut. Tandakan keluk nilai keluaran sut (VMP) firma itu.
- [3 markah]
- [ii] Lukiskan keluk penawaran buruh yang dihadapi oleh firma berkenaan. Tandakan keluk kos faktor sutnya (MFC).
- [3 markah]
- [iii] Sekarang katalah firma ini menjadi pemonopoli dalam pasaran keluarannya. Bagaimanakah bentuk keluk permintaan buruhnya yang baru? Lukiskan keluk permintaannya yang baru itu dalam Rajah 3.
- [3 markah]

[H] Gunakan Rajah 4 untuk menjawab soalan berikut.



Rajah 4

- [i] Sebuah firma itu merupakan pemmonopsonis dalam pasaran buruh. Lukiskan keluk penawaran buruh yang dihadapi oleh firma itu.

[2 markah]


- [ii] Tunjukkan kuantiti buruh yang akan digunakannya dan kadar upah yang dibayarnya.

[2 markah]

- [iii] Tunjukkan bagaimana peraturan kadar upah minimum boleh meningkatkan penggunaan buruh firma ini.

[2 markah]

- [I] Rajah 5 menunjukkan keluk permintaan buruh dan keluk penawaran satu pasaran buruh yang dicirikan oleh monopoli bilateral.

**Rajah 5**

- [i] Tunjukkan harga dan kuantiti buruh yang akan dibeli oleh pembeli buruh.
(Gunakan Q_B = kuantiti dibeli dan P_B = harga ingin dibayar oleh pembeli).
- [2 markah]
- [ii] Tunjukkan harga dan kuantiti buruh yang ingin dijual oleh penjual buruh.
(Gunakan Q_S = kuantiti dijual dan P_S harga yang diingini oleh penjual buruh).
- [2 markah]
- [iii] Tunjukkan kedudukan harga buruh yang muktamad ditentukan dan jelaskan secara ringkas faktor yang menentukan kedudukan penyelesaian upah itu.
- [2 markah]

BAHAGIAN B [40 markah]

Jawab **DUA** [2] soalan sahaja.

Soalan 2 [20 markah]

- [a] Benarkah kenaikan upah secara terus lebih menguntungkan kebajikan pihak pekerja berbanding dengan pembayaran upah premium kerana bekerja lebih masa?
Jelaskan pendirian anda dengan menggunakan rajah-rajab yang sesuai.

[8 markah]

- [b] Bagaimanakah keluk penawaran buruh individu itu boleh membengkok ke belakang.
Jelaskan faktor yang mempengaruhinya dengan menggunakan rajah-rajab yang sesuai.

[7 markah]

- [c] Bagaimanakah kadar penyertaan buruh ditentukan? Kenapakah ia penting?

[5 markah]

Soalan 3 [20 markah]

- [a] Jelaskan bagaimana "laluan keutamaan upah" bagi kesatuan sekerja dan majikan diterbitkan? Jelaskan dengan menggunakan gambar rajah yang berkaitan.

[8 markah]

- [b] Apabila kita mengkaji matlamat-matlamat kesatuan sekerja, kesatuan sekerja itu merupakan unit ekonomi yang rasional dan mengikuti perlakuan yang memaksimumkan. Huraikan pendapat anda sama ada anda bersetuju atau tidak dengan kenyataan ini?

[7 markah]

- [c] Secara ringkas huraikan apa yang dimaksudkan dengan kuasa tawar menawar yang digunakan dalam model Chamberlain.

[5 markah]

Soalan 4 [20 markah]

Pada umumnya, upah boleh ditakrifkan sebagai apa jua yang diterima oleh pekerja, dalam bentuk wang, sebagai pulangan daripada sesuatu output daya usaha yang dikeluarkan oleh buruh.

- [a] Dengan memilih mana-mana satu industri di Malaysia, bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan timbulnya perbezaan upah dalam industri tersebut.

[8 markah]

- [b] Apakah pada pendapat anda perbezaan upah itu penting? Berikan hujah-hujah yang menyokong pendapat anda itu.

[6 markah]

- [c] Adam Smith mengatakan bahawa upah buruh berberbeza-beza mengikut senang atau susah, bersih atau kotor, terhormat atau tidaknya sesuatu pekerjaan itu. Sejauh manakah penjelasan Adam Smith itu berbeza dengan keadaan sebenar yang wujud sekarang?

[6 markah]

Soalan 5 [20 markah]

- [a] Klasifikasikan pengangguran mengikut jenis-jenisnya. Huraikan secara ringkas setiap jenis pengangguran itu. Pada pandangan anda jenis pengangguran yang manakah yang paling kuat melanda negara-negara sedang membangun?

[8 markah]

- [b] Pada pandangan anda apakah faktor-faktor yang telah berjaya menyebabkan Malaysia berjaya mengatasi masalah pengangguran yang telah melanda negara ini pada tahun-tahun 1980-an?

[6 markah]

- [c] Apakah yang dimaksudkan dengan perbezaan upah? Jelaskan faktor-faktor yang menimbulkan perbezaan upah.

[6 markah]